

D.R. 29/94

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan  
1963/67.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG  
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan  
Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan  
dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahasa  
Kebangsaan (Pindaan) 1994.

Tajuk  
ringkas.

2. Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 adalah  
dipinda dengan memasukkan selepas perkataan  
"Mahkamah Persekutuan," perkataan "Mahkamah  
Rayuan,".

Pindaan  
seksyen 8.  
Akta 32.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan berbangkit  
daripada seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, yang  
diperlukan dengan lertuhunya Mahkamah Rayuan. Seksyen 8  
memperuntukkan bahawa melainkan sebagaimana yang  
diperuntukkan dalam proviso kepada seksyen itu segala prosiding  
dalam Mahkamah, selain daripada pemberian keterangan oleh  
seseorang saksi, hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam  
apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1843.]